

TANDATANGAN PERJANJIAN TAK JADI

30 MAR 1986

Oleh Idzan Ismail
dan Badrul Hisham Aziz

KUALA LUMPUR 29 Mac — Upacara menandatangani perjanjian bagi menubuhkan kerajaan campuran di Sabah yang dijadualkan berlangsung hari ini terpaksa dibatalkan kerana PBS masih belum dapat memberikan persetujuannya hingga ke saat - saat akhir.

Majlis Tertinggi parti itu masih bermesyuarat di Kota Kinabalu bila segala - galanya telah siap di Jabatan Perdana Menteri untuk upacara tersebut.

Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yang mengesahkan pembatalan itu berkata: "Formula persefahaman untuk mewujudkan ke-

rajaan campuran di Sabah tidak membawa sebarang makna jika Parti Bersatu Sabah (PBS) tidak menandatangani."

"Dulu Datuk Pairin (Presiden PBS dan Ketua Menteri Sabah) telah setuju, tetapi sekarang lain pula," katanya kepada para pemberita selepas berucap di perbarisan Hari Polis di sini hari ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa Berjaya dan USNO telah menyatakan persetujuan masing - masing untuk menandatangani perjanjian itu, tetapi PBS belum lagi menunjukkan sebarang petanda baik.

Ditanya kenapa PBS bersikap demikian, Perdana Menteri berkata, beliau tidak tahu apa sebabnya.

Mingguan Malaysia bagaimanapun difahamkan, Datuk Pairin menyambut baik formula yang dikemukakan oleh Perdana Menteri itu. Bagaimanapun beberapa tokoh PBS seperti Encik Mark Koding, Encik Herman Luping, Encik Bernard Dompok dan Encik Kadoh Agundong menentang formula itu.

Sumber - sumber PBS berkata, Datuk Pairin telah dikecam hebat oleh sebilangan besar pemimpin partinya yang menuduh beliau telah ditekan supaya mempersetujui formula tersebut.

Datuk Pairin dikatakan berada dalam keadaan serba salah kerana jika beliau terus menandatangani persetujuan itu, beliau mungkin menghadapi undi tidak percaya terhadap kepimpinannya.

LIHAT MUKA 13

UPACARA TANDA TANGAN PERJANJIAN CAMPURAN BATAL

MM 30 MAR 1986

Menghurai lebih lanjut tentang perkembangan ini, Perdana Menteri berkata, beliau tidak berani kata bila krisis Sabah dapat diselesaikan.

Menurut beliau, segala - galanya kini bergantung kepada PBS dan kerajaan tidak akan membuat sebarang langkah lanjut kecuali menanti tindakan PBS.

Sambil menyifatkan PBS sebagai penghalang kepada usaha membentuk kerajaan campuran di Sabah, Perdana Menteri mengulangi bahawa ketiga - tiga pihak (PBS, USNO, Berjaya) sebelum ini memberitahu beliau bahawa mereka bersetuju dengan formula itu.

Datuk Sri Dr. Mahathir ketika ditanya bilakah beliau menjangka dapat menemui Datuk Pairin berkata: "Saya tidak tahu. Terpulanglah kepada mereka."

Beliau enggan mengulas bila ditanya sama ada formula baru akan dicari bagi menggantikan yang ada jika PBS enggan menerimanya.

Pejabat Perdana Menteri telah menetapkan upacara tandatangan itu diadakan pada pukul 12.30 tengah hari, ini tetapi Datuk Sri Dr. Mahathir telah diberitahu oleh Setiausaha Agung Barisan Nasional, Encik Ghafar Baba awal pagi ini bahawa Presiden PBS, Datuk Joseph Pairin Kitingan tidak dapat datang ke ibu negara.

"Dokumen perjanjian telah siap dan cuma memerlukan tandatangan tiga orang pemimpin parti politik berkenaan sahaja. Bagaimana hendak menandatangani jika PBS tidak mahu," kata sumber Barisan Nasional.

Sumber - sumber tidak dapat menyatakan sama ada perjanjian itu akan berlangsung minggu depan kerana ini bergantung kepada kesediaan PBS.

PBS telah mengadakan beberapa siri mesyuarat di Kota Kinabalu dan sehingga malam tadi parti itu masih belum dapat memberikan pendirian sama ada me-

nyokong atau membantah formula damai tajaan UMNO untuk menamatkan pergolakan politik di negeri itu.

Presiden Berjaya, Datuk Mohamed Noor Mansoor dan Presiden USNO, Tun Datu Mustapha Datu Harun yang bersiap sedia untuk menandatangani perjanjian itu tidak datang menemui Perdana Menteri di pejabatnya hari ini.

Oleh kerana perjanjian itu dibatalkan Perdana Menteri pulang ke rumahnya pada pukul 1.15 tengah hari dan melambaikan tangan kepada pemberita dan jurugambar yang menunggu di pekarangan pejabatnya. Encik Ghafar pula pergi ke Kuala Selangor untuk satu tugas rasmi.

Tun Mustapha yang dijadualkan pulang ke Kota Kinabalu esok mengambil keputusan untuk pulang hari ini manakala Datuk Mohamed Noor Mansoor akan pulang esok.

Kedua - dua pemimpin itu yang dikatakan "marah" dengan kegagalan PBS memenuhi janjinya untuk memersetujui formula Datuk Sri Dr. Mahathir akan menemui para penyokong masing - masing dan mengadakan mesyuarat dengan Majlis Tertinggi parti masing - masing untuk membincangkan tindakan selanjutnya.

"Kita sungguh kecewa dengan sikap PBS yang di depan Perdana Menteri mengatakan bersetuju dengan formula itu tetapi akhirnya gagal mematuhi janji. Tidak lama dulupun Datuk Pairin sendiri bersetuju bekerjasama dengan PBS dan USNO tetapi di saat akhir menarik balik keputusan itu," kata seorang pemimpin tertinggi Berjaya.